

SIARAN AKHBAR

LAWATAN TUAN YANG TERUTAMA PERDANA MENTERI REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAOS, DR.THONGLOUN SISOULITH KE SYARIKAT GOLDEN CORPORATION SDN. BHD. JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16 Februari 2019, Kampong Serembangun Daerah Tutong

Bandar Seri Begawan. Sabtu, 16 Februari 2019M: Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Laos, Dr.Thongloun Sisoulith bersama delegasi hari ini telah membuat lawatan rasmi ke lokasi Tapak perusahaan Perikanan di Kampong Serembangun Daerah Tutong. Brunei Darussalam iaitu Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd. Di antara lawatan dua hari ini adalah bertujuan antara lain bagi mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Turut menyertai dan mengetuai rombongan lawatan tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Major General (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Awang Haji Abdul Halidi bin Mohd Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pemangku Pengarah Perikanan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Jabatan Perikanan.

Program Lawatan tersebut bermula dengan ucapan yang disampaikan oleh Awang Richard Chuang, Pengarah Urusan Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd dan diteruskan dengan sesi lawatan ke kilang pemprosesan dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Laos, Dr.Thongloun Sisoulith bersama delegasi dan pihak Syarikat.

Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd adalah salah sebuah kilang pemprosesan ikan dilengkapi dengan teknologi moden yang berkeupayaan menghasilkan produk beku dan yang berkualiti. Kilang tersebut telah berhasil memasarkan produk-produk ke

pasaran eksport antarabangsa seperti Australia, Japan, China, Taiwan dan seterusnya Kesatuan Eropah (EU). Syarikat ini telah diberikan pengiktirfan sijil piawaian tempatan dan antarabangsa seperti ISO22000:2005, HACCP, Sijil Organic, *British Retail Consortium Certification*, IFS (pensijilan Jerman), Sijil Halal dan Kesatuan Eropah (EU).
-End/ Sekian -

Disediakan oleh:
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan
14 Februari 2019